



Rujukan Kami: KK/eP(S)10/173/5
Jld.2 (s.k)(1)(4)

Tarikh : 3 Mac 2009
6 Rabiulawal 1430H

Senarai seperti di edaran

Y.Bhg. Tan Sri/Dato' Sri/Datuk/Dato'/Tuan/Puan,

**PENGECUALIAN FI PERKHIDMATAN 0.8% KE ATAS BEBERAPA
PEROLEHAN MELALUI SISTEM ePEROLEHAN (eP)**

Dengan hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Dimaklumkan bahawa Kementerian Kewangan telah memutuskan supaya perolehan bekalan/perkhidmatan seperti bayaran utiliti elektrik, air dan telefon, bayaran tiket perjalanan, bayaran tol Touch & Go, pembelian setem dan lain-lain perkhidmatan pos yang harganya adalah tetap atau pembelian secara pukal adalah dikecualikan daripada fi perkhidmatan 0.8% termasuk perkhidmatan yang diberikan oleh Jabatan Kerajaan kepada Jabatan Kerajaan yang lain (G to G).

3. Dalam konteks perkhidmatan yang diberikan secara G to G, pihak Commerce Dot Com Sdn. Bhd. (CDCSB) hendaklah memulangkan semula fi perkhidmatan yang dikenakan kepada Jabatan berkenaan kerana perolehan bekalan/perkhidmatan antara G to G yang lain tidak termasuk di dalam perjanjian antara Kerajaan dengan CDCSB bagi membangunkan sistem perolehan elektronik. Justeru, Jabatan boleh menuntut fi perkhidmatan yang dikenakan bagi perolehan bekalan/perkhidmatan melalui sistem eP daripada pihak CDCSB.


4. Oleh yang demikian, perolehan seperti mana yang dinyatakan di perenggan (2) di atas bolehlah dilaksanakan melalui Sistem Perancangan dan Kawalan Belanjawan (eSPKB) dan ianya berkuatkuasa serta-merta sehingga ke satu tarikh yang akan diberitahu kelak. Senarai perolehan bekalan/perkhidmatan melalui sistem eP yang dikecualikan daripada fi perkhidmatan 0.8% adalah seperti di Lampiran 1.

5. Perhatian dan kerjasama pihak Y.Bhg. Tan Sri/Dato' Sri/Datuk/Dato'/
Tuan/Puan dalam perkara ini amat dihargai.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menurut perintah,



(ABD. SHUKOR BIN IBRAHIM)
Pengarah Projek
Unit ePerolehan
b.p Ketua Setiausaha Perbendaharaan
Kementerian Kewangan Malaysia

s.k.:

Y.Bhg. Datuk TKSP (P)

SBPK

Jabatan Akauntan Negara
Aras 1-8, Kompleks Kementerian Kewangan,
No.1, Persiaran Perdana,
Precint 2, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62594 Putrajaya.

Y.Bhg. Datuk Azizan bin Ayob
Ketua Pegawai Eksekutif
Commerce Dot Com Sdn. Bhd.
Tingkat 2, Wisma Amtek,
No. 15, Jalan Tandang
46050 Petaling Jaya, Selangor



Semua Pegawai Penyelaras Kementerian - (KPPC PP)

Fail Timbul

Lampiran 1

Senarai perolehan bekalan/perkhidmatan melalui sistem eP yang dikecualikan daripada fi perkhidmatan 0.8%

Bil	Jenis Bekalan/Perkhidmatan	Jabatan/Syarikat berkaitan	Catatan
1.	Bil elektrik	Tenaga Nasional Berhad (TNB) atau syarikat yang dilantik	Contoh: Lembaga Letrik Sabah
2.	Bil Air	Jabatan Bekalan Air Negeri atau syarikat yang dilantik	Contoh: Syabas bagi kawasan Wilayah Persekutuan dan Selangor
3.	Bil Telefon	Telekom Malaysia Berhad (TM)	Bagi perkhidmatan telefon talian tetap sahaja
4.	Bayaran tiket perjalanan (kapal terbang)	Malaysia Airlines Berhad (MAS) dan Air Asia Berhad	Bayaran secara pukal
5.	Bayaran tol 'Touch and Go'	Rangkaian Segar Sdn Bhd	
6.	Pembelian Setem dan lain-lain perkhidmatan pos yang harganya tetap atau pembelian secara pukal	Pos Malaysia Berhad	Contoh: Wang pos, kiriman wang dan pos ekspres
7.	Urusniaga melibatkan Jabatan Kerajaan kepada Jabatan Kerajaan (G to G) yang lain	Kementerian atau Jabatan Persekutuan, Kerajaan Negeri, Badan Berkanun Persekutuan dan Pihak Berkuasa Tempatan	Contoh: Bayaran yuran peserta kursus di Institut Tadbiran Awam Negara (Intan) atau pembelian peta daripada Jabatan Ukur dan Pemetaan (Jupem)